



## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan rakyat Negeri Johor atau warga Negara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di **Majlis Daerah Labis** sebagaimana berikut:

- (a) Gelaran Jawatan : Penolong Arkitek Landskap
- (b) Gred : JA5
- (c) Kementerian/Jabatan : Majlis Daerah Labis
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
- (e) Kump. Perkhidmatan : Pelaksana
- (f) Taraf Jawatan : Kontrak (Interim)
- (g) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

(h) Elaun -Elaun Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam RM 160.00

Imbuhan Tetap Perumahan RM 300.00

Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) RM 200.00

- (i) Kekosongan : 1 Kekosongan

**(j) Syarat Lantikan**

**1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:**

- (a) (i) Sijil Teknologi dalam bidang Lanskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
- (ii) Sijil Seni Bina, Sijil dalam bidang Perancangan Bandar atau Kejuruteraan Awam (Seni Bina) yang diktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
- (iii) Diploma Seni Bina Lanskap yang diktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

**2) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**

- (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**3) Program Transformasi Minda/Peperiksaan**

- (a) Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**4) Pengesahan Dalam Perkhidmatan**

Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

## **5) Deskripsi Tugas**

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

## **6) Cara Permohonan Dan Syarat-Syarat**

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan harga RM1.00 satu set di Pejabat Majlis Daerah Labis atau dengan memuat turun borang di Laman Web [www.mdlabis.gov.my](http://www.mdlabis.gov.my) atau Facebook rasmi kami iaitu **Majlis Daerah Labis – Rasmi**.
- (b) Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH LABIS  
85300 LABIS, JOHOR**

- (c) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:
  - (i) Kad pengenalan diri yang telah disahkan;
  - (ii) Sijil kelahiran yang telah disahkan;
  - (iii) Sijil Berhenti Sekolah dan sijil persekolahan yang telah disahkan;
  - (iv) Kelulusan akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)\* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon;
  - (v) Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika Diploma/Ijazah sebenar masih belum diterima);
  - (vi) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran ‘passport’
  - (vii) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada) yang telah disahkan.

- (d) Permohonan daripada jawatan Gred 5 hingga Gred 9 keatas hendaklah disertakan dengan ‘video resume’ dalam bentuk softcopy sebagaimana berikut:-
- (i) Berdurasi tidak lebih dari 3 minit.
  - (ii) Menggunakan suara sebenar pemohon.
  - (iii) Ringkasan latar belakang keluarga pemohon.
  - (iv) Ringkasan latar belakang Pendidikan pemohon.
  - (v) Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
  - (vi) Pekerjaan / aktivititer akhir atau semasa pemohon.
  - (vii) Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon.
  - (viii) Ringkasan dan hobi kegiatan luar pemohon.
  - (ix) Ringkasan penglibatan pemohon di dalam Masyarakat atau ‘NGO’.
  - (x) Ringkasan kelebihan/ kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
  - (xi) Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
  - (xii) Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon.
- (e) Semua ‘video resume’ hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di Alamat **mdlbs@johor.gov.my** sebelum **20 Ogos 2025**
- (f) Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini sepetimana mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- (g) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.
- (h) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat seperti dalam iklan akan **DITOLAK** serta-merta.
- (i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (j) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.

- (k) Pihak Pentadbiran Majlis Daerah Labis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS  
HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN  
( KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL ) ATAU  
PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.**

**(l) Tarikh Tutup Permohonan : 20 Ogos 2025**